# LAMPIRAN A

## A. Ayat Berketerangan Masa

1. Zawiah kurang sihat semenjak pulang dari bandar.
2. Dia serba salah apabila sepasang mata tua merenung ke wajahnya.
3. Ku Mamat lebih yakin sekembalinya dari rumah Ngah Seman.
4. Dia meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke Kuala Krai.
5. Kita tidak perlu gelisah sewaktu membincangkan sebarang teori.
6. Isterinya mengigau ketika tidur.
7. Datuk mesti berhati-hati tatkala bercakap dengan Pak Umim.
8. Perasaan kesal kian menujah fikirannya sejak mendengar khabar itu.
9. Dia gembira setelah berjaya menerapkan teori itu pada peringkat morfem.
10. Ngah Seman ke kebun selepas singgah di rumah Pak Dah Hassan.

B. <u>Ayat Berketerangan Syarat</u>

1. Kita juga akan mengenal wacana bukan sastera kalau kita melihatnya dalam rangka suatu dikotomi.
2. Cermin itu tidak mungkin kosong jika dia duduk di hadapannya.
3. Perjuangan kita pasti akan terkandas sekiranya warga penggunaanya terus mengabaikannya.
4. Ini akan merumitkan lagi pemahaman jikalau peminjaman ini berlaku pada lebih daripada satu peringkat.
5. Dia berasa beruntung jika Ku Mamat berkahwin dengan Rubiah.
6. Yuri Gagarin harus terjun dari kapal angkasanya kalau dia ingin bertemu Tuhan.
7. Pak Mat membuat atap daun nipah jika tidak ke laut.
8. Dia tidak akan menolak jikalau tiada pilihan lain.
9. Rosli tidak perlu belajar lagi sekiranya gagal dalam peperiksaan tingkatan tiga nanti.
10. Guru akan menerangkannya dalam bahasa pertama sekiranya murid-murid tidak memahami sesuatu perkataan.

C. **Ayat Berketerangan Tujuan/Harapan**

1. Ngah Seman mengambil jalan dekat untuk ke rumah Harun.
2. Ujian imlak kurang tajam untuk menguji pemahaman murid-murid.
3. Bing Yi memegang tapak tangannya untuk memeriksa kukunya.
4. Dia menghisap ibu jarinya untuk menyembunyikan ketakutan batinnya.
5. Masyarakat kampung patut bersatu padu supaya elemen luar tidak dapat menggugat mereka.
6. Ahli penterjemah perlu menguasai selok belok bahasa supaya dapat menterjemah dengan baik.
7. Rakyat perlu bekerja keras supaya negara akan terus makmur.
8. Peringkat ini meliputi penyusunan strategi bagi melancarkan kegiatan perancangan tatabahasa.
9. Ku Mamat berdoa agar Ngah Seman selamat.
10. Dia menulis surat itu moga-moga mendapat restu orang tuanya.

D. <u>Ayat Berketerangan Sebab-Akibat</u>

1. Kertas ini tidak menyentuh perancangan taraf bahasa Melayu kerana ini bidang lain.
2. Kami amat sukacita kerana dapat menemukan penulis dengan peminatnya.
3. Aku belum dapat menjawab soalan itu kerana masih memikirkannya.
4. Suaranya separuh menjerit kerana terlalu gembira.
5. Pak Ku Soh tidur awal sebab dia ke kebun pagi tadi.
6. Kereta Anita sudah empat hari di bengkel sebab rosak.
7. Tuk Tin menangis sebab menyesal tindakannya.
8. Imbuhan merupakan item baru memandangkan bahasa ibunda masing-masing tiada imbuhan.
9. Pak Ku Soh mungkin tidak setuju oleh kerana mendengar mendengar nasihat Ngah Seman.
10. Mat Ail boleh berkata apa sahaja oleh sebab dia masih mentah.

E. **Ayat Berketerangan Gaya/Cara**

Guru boleh mula menilai kemahiran bahasa dengan membentuk sesuatu alat ujian.

Kita boleh mengukur pencapaian murid dengan membuat rujukan norma dan rujukan kriteria.

Mereka menghantar Ngah Semah ke hospital dengan menaiki kereta Penghulu Husin.

Penghulu Husin memulakan ceramahnya dengan menyingkap kisah lepas.

Misa menyindirnya dengan mengusap-usap kepalanya.

Amita mendapat wang saku dengan membuat kerja malam.

Hazlina menampan cacian mereka dengan mengamalkan pendirian "buat tak tahu".

Ngah Seman terjun ke dalam gaung itu dengan memberanikan hati.

Dia menolak pintu besi itu dengan menggunakan segala tenaganya.

Tukpiah selalu cepat menjawab cakap Tukpin dengan menggunakan kata-kata kesat.

F. Ayat Berketerangan Pertentangan

Hazlina cukup gembira walaupun tiada orang menyambut kedatangannya di sana.

Dia tidak cedera walaupun orang itu melemparkan batu ke arahnya.

Dia gagal dalam peperiksaan itu biarpun mentelaah pelajarannya setiap hari.

Budak itu sihat sungguhpun dia enggan makan apa-apa.

Hazlina tetap ke kelas sungguhpun badannya letih.

Haji Rahmat enggan menghadiri perjumpaan itu sedangkan ketua-ketua kampung lain akan hadir.

Ku Seman masih mahu meneruskan gerakan mencari Ngah seman meskipun hari sudah gelap.

G. Ayat Berketerangan Perbandingan

Dia memandang ke wajah Ngah Seman seakan-akan mahukan persetujuan daripadanya.

Enjin lori balak mengaum-ngaum bagaikan harimau lapar.

Harun senyum sinis seolah-olah menyindirnya.

Dia begitu asyik menanyakan perkara itu macam dia

tidak tahu langsung.

Dia menerpa soalan itu seperti bom meletup.

Pak Dah Hassan mahu mengajar Mat Ail sebagaimana Ngah Seman mengajar Ku Seman.

Mumtaz merenungi cermin itu seolah-olah sesuatu menarik perhatiannya.

H. <u>Ayat Berketerangan Perhinggaan</u>

Pengelompokan bahasa Austronesia di rantau ini akan tetap kabur selagi kita belum dapat menentukan bentuk bahasa Melayu induk.

Hisyam tidak memulakan syarahan sampai semua orang mengambil tempat duduk masing-masing.

Rubiah begitu binggung sehingga mereka pulang dengan Ngah Seman.

Mereka tidak mengetahui keadaan sebenar sehingga menyertai seminar itu.

Negara tidak akan stabil selagi rakyatnya tidak bersatu.

Dia begitu kuat tidur sampai tidak sempat menghabiskan kerjanya.

Aku perlu membaca teks itu sehingga benar-benar memahaminya.

# LAMPIRAN B

A. <u>Transformasi Pengguguran (Tgg)</u>

Jemaah mengangkat kepala apabila mendengar Hisyam menyebut "Tuhan tidak ada".

Saya boleh menjawab soalan itu dengan panjang lebar jika mahu.

Lebai Makmur mengambil ketayapnya untuk ke masjid.

Mak benar-benar menyesal sekarang kerana membunuh kamu bertiga.

Kita menggunakan sistem tertentu dengan menggunakan suatu rangka tertentu.

Seseorang boleh menggunakan bahasa Melayu tinggi biarpun berasal dari kelas bawahan.

Dia melihat tajam padanya seolah-olah memarahinya.

Rubiah nampak gelisah sehingga berkahwin dengan Ku Mamat.

B. **Transformasi Penyusunan Semula (Tps)**

Setelah menggemburkan beberapa batang getah, Ngah Seman berhenti sebentar.

Sejak pulang ke tanahair, dia berkhidmat di hospital itu.

Jika titik C mewakili bahasa sasaran, titik Y akan melambangkan struktur perantaraannya.

Sekiranya kita memerhatikan pertuturan sehari-hari, penutur asli bahasa Malaysia kurang mementingkan penggunaan imbuhan.

Untuk melancarkan penjenisan perkataan, ahli bahasa struktural kemudian membahagikan satu ayat ke dalam beberapa gatra.

Bagi memahami bentuk sesuatu bahasa purba, kita harus menyelidiki bahasa turunannya dahulu.

Oleh kerana bahasa ada tumpang-tindih makna, orang telah menerima konsep sinonim.

Sebab dia tidak ada wang, anak perempuan tunggalnya mati.

Dengan menyusun set nombor dalam bentuk nisbah, kita akan dapat mencari pengisi sepunyanya.

Sungguhpun pelajar patut membuat latihan amali, mereka juga perlu tahu teorinya.